

TAWARAN PELAWAAN



**PELAWAAN MENGURUS DAN MENTADBIR DI KOMPLEKS
MINI STADIUM PADANG BOLA PEREMBA DI MAJLIS
BANDARAYA ALOR SETAR, KEDAH**

**MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR MEMPELAWA SYARIKAT YANG BERMINAT
UNTUK MENGURUS DAN MENTADBIR DI KOMPLEKS MINI STADIUM PADANG BOLA
PEREMBA, JALAN KILANG TEBU ALOR SETAR, KEDAH.**

SYARAT -SYARAT TAWARAN

1. Tawaran ini terbuka kepada orang ramai dan pengusaha yang berpengalaman dalam menjalankan urusan sukan dan padang.
 2. Cadangan perniagaan hendaklah mengikut konsep sedia ada. Konsep yang dicadangkan mestilah menjadikan kompleks ini sebagai tempat masyarakat berkumpul mengikut fungsinya yang sebenar dari segi pengurusan sukan bolasepak.
 3. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 4. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 221305/221507.
 5. Syarikat atau Ahli Lembaga mempunyai pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Sukan Acara Bolasepak, Pengurusan Padang Sintetik dan Padang Rumput.
 6. Syarikat perlu menyediakan Lembaran Imbangan Akaun Syarikat bagi tahun Terkini Dan Penyata Akaun Bank Syarikat 6 Bulan Terkini.
 7. Syarikat diwajibkan untuk hadir lawatan tapak, ketidakhadiran ke lawatan tapak akan menyebabkan permohonan anda akan di tolak serta merta.
 8. **Pemohon yang berminat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mempunyai maklumat yang lengkap dan wajib mengikut garis panduan penyediaan kertas cadangan seperti di borang 'A' dan boleh didapati di :
Bahagian Bekalan Dan Kontrak,
Tingkat 8, Menara City Plaza,
Jalan Kolam Air, Alor Setar,
Kedah Darul Aman**
- Syarikat perlu mengambil borang tersebut sebagai panduan utama bagi cadangan syarikat. Hal ini akan dinilai oleh MBAS bagi setiap cadangan yang di kemukakan.**
9. Penawaran mengurus dan mentadbir ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia dengan jumlah tawaran dan tempoh kontrak adalah ditentukan oleh Syarikat.
 10. Syarikat perlu mengekalkan piawaian sediaada dari segi penjagaan padang kompleks dengan mematuhi teknik jagaan yang terbaik bagi kedua-dua jenis padang (Lot A dan Lot B). Syarikat juga perlu menyatakan pengalaman syarikat dari segi pengurusan padang bola mengikut taraf yang diiktiraf terbaik.

TARIKH IKLAN :

**05 OKTOBER 2023
hingga
25 OKTOBER 2023**

**TAKLIMAT DAN
LAWATAN TAPAK :**

**11 OKTOBER 2023
9.30 PAGI
(DIWAJIBKAN)**

BERTEMPAT :

**BILIK MESYUARAT
AL – Wafa,
TINGKAT 8, MAJLIS
BANDARAYA ALOR
SETAR.**





**BORANG TAWARAN PELAWAAN MENGURUS
DAN MENTADBIR DI KOMPLEKS MINI STADIUM
PADANG PEREMBA , ALOR SETAR KEDAH 2023**

**KERTAS CADANGAN HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM
SUATU SAMPUL BERLAKRI DAN BERTANDA
NO. SEBUTHARGA MBAS/BBK/SHP/20-2023**

**KERTAS CADANGAN HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM
PETI TAWARAN YANG BERKENAAN DI ALAMAT :**

**JABATAN KEWANGAN
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN**

**Hubungi Unit Pengurusan Harta Komersial Di Talian 04-700 0119
atau layari pbt.kedah.gov.my (Portal Rasmi MBAS)**

untuk maklumat lanjut.

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA 25 OKTOBER 2023

HARGA BORANG TAWARAN RM50.00